

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : ART & CRAFT
PUSAT/ FUNGSI : KRAF & KREATIF
TAJUK/ TEMA : TABUNG MINI TONG GAS

| BI L | PERKARA | CATATAN | |
|-----------------|---|--|---|
| 1 | STANDARD KANDUNGAN | KE 3.3 | Mengeksplorasi media |
| 2 | STANDARD PEMBELAJARAN | KE 3.3.6 | Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula |
| 3 | STREAM | S | Kanak-kanak dapat mengenali pelbagai jenis warna. |
| | | T | Kanak-kanak menggunakan gelung tisu untuk menghasilkan model mini tong gas. |
| | | R | Mengamalkan sikap toleransi & kerjasama dalam kumpulan. |
| | | E | Membina mini tong gas |
| | | A | Menghasilkan hiasan tong gas mengikut kreativiti. |
| | | M | Kanak- kanak mengenal bentuk silinder. |
| 4 | OBJEKTIF PEMBELAJARAN | Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat menghasilkan tabung mini tong gas . | |
| 5 | BBM | Tong gas, pewarna air, berus warna, gam, gelung tisu, sugar paper, dan kadboard. | |
| 6 | NILAI MURNI | Bekerjasama, rajin, tekun, dan toleransi | |
| 7 | STRATEGI PELAKSANAAN 1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran. | | |

2. Guru menunjukkan tong gas kepada kanak-kanak.
3. Bersoaljawab tentang objek yang ditunjukkan.

Contoh: Di mana adik-adik biasa nampak tong gas?
Tong gas digunakan untuk apa?
Macam mana bentuk tong gas?
Apakah warna tong gas?
Tong gas berat atau ringan?

4. Guru menerangkan tentang kegunaan dan kepentingan tong gas.
5. Guru menunjukkan cara menghasilkan model tabung mini tong gas kepada kanak-kanak.
6. Setiap kanak-kanak membawa satu gelung kertas tisu dari rumah.
7. Kanak-kanak mewarnakan gelung tisu yang dibawa mengikut warna tong gas dengan kreativiti masing-masing.
8. Kanak-kanak menampal sugar paper yang disediakan, pada gelung tisu untuk membentuk pemegang tong gas.
9. Kanak-kanak melekatkan tabung mini tong gas tersebut pada tapak kadboard yang disediakan.
10. Seterusnya kanak-kanak melekatkan kadboard yang ditebuk untuk dijadikan penutup tabung.
11. Guru menjemput kanak-kanak untuk menceritakan hasil kerja mereka.
12. Hasil kerja kanak-kanak dipamerkan pada sudut yang disediakan dan fungsinya dapat digunakan sebagai tabung mini tong gas.

Nota:

guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian